



جابتني اکام إسلام فیراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(52)

Tarikh: 15 Zulkaedah 1446H
13 Mei 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	16 Mei 2025 / 18 Zulkaedah 1446
Tajuk	Guru Rabbani: Membangun Kemuliaan Insan

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018. Mohon pihak Jawatankuasa atau khatib bertugas membuat pengumuman yang dilampirkan pada Teks Khutbah sebelum bermula solat Jumaat.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO') HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"GURU RABBANI: MEMBANGUN KEMULIAAN INSAN"

16 Mei 2025 / 18 Zulkaedah 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الْدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ يَأْخُذُونَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَعْمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِنُوكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT. Sesungguhnya takwa menjadi benteng utama dalam kehidupan kita, takwa berupaya mengawal hati, akal dan perbuatan agar sentiasa berada di landasan yang mendapat keredaan Ilahi. Bersempena sambutan Hari Guru pada tarikh 16 Mei, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

"GURU RABBANI: MEMBANGUN KEMULIAAN INSAN"

Firman Allah SWT, ayat 79 surah Ali-Imran:

﴿مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُؤْتِيهِ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُنُوفًا عِبَادًا لِّمَنْ دُونَ اللَّهِ وَلَكِنْ كُنُوفًا رَّبِّنِيسَنَ بِمَا كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ ﴾

Bermaksud: Tidaklah patut bagi seseorang itu, setelah dia diberi oleh Allah kitab agama dan kefahaman serta taraf Nabi mengatakan kepada manusia, "Hendaklah kamu menyembah aku dan meninggalkan perbuatan menyembah Allah. "Sebaliknya, dia (patut) berkata, "Hendaklah kamu menjadi orang *Rabbaniyyin*

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



(yang hanya menyembah Allah dengan ilmu dan amalan yang sempurna) kerana kamu sentiasa mengajarkan isi kitab Allah itu dan kamu juga selalu mempelajarinya."

Guru diumpamakan penyambung risalah Rasulullah SAW; merupakan insan yang bersedia mengambil tanggungjawab mendidik dan mengilmukan anak-anak didik, mengasuh, mengajarkan adab dan nilai-nilai murni, membentuk akhlak dan sahsiah demi membangunkan kemuliaan insan selaras dengan sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا بُعْثُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Bermaksud: "Sesungguhnya tidak aku diutusi, melainkan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak."

(Hadis Riwayat Ahmad)

Menurut Imam Al-Ghazali, guru bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi turut memimpin jiwa murid ke arah kebaikan dan mengenal Tuhan. Guru *Rabbani* ialah guru yang bercirikan kemuliaan insan, yang menguasai dan menyebarkan ilmu pengetahuan kepada anak didik, dan secara beramanah menyempurnakan tanggungjawab membimbing manusia menemui sinar kebenaran, agar manusia mengabdikan diri semata-mata kepada Allah SWT.

Ayat 79 surah Ali-Imran yang khatib jadikan rujukan, menandakan tugas dan peranan besar seorang guru yang diamanahkan dengan ilmu. Warga guru bukan sekadar ditugaskan mencanai pemikiran anak didik dengan ilmu, dengan harapan terbinanya masyarakat bertamadun, namun matlamat utama daripada ilmu ialah untuk melahirkan insan berpengetahuan yang menjunjung syariat Ilahi – menegakkan keadilan dan kebenaran, di samping mengamalkan nilai dan sikap seorang ilmuwan. Ilmuwan tafsir al-Sayuti menukilkan riwayat, kata-kata daripada sahabat Ibnu Mas'ud RA bahawa, "bukanlah ilmu itu diperoleh dari banyaknya riwayat, tetapi ilmu yang sebenar apabila bertambahnya ketakutan kepada Allah SWT".



Jemaah yang dilimpahi fadilat llahi

Mimbar menyenaraikan empat ciri guru *rabbani*:

Pertama: Mengikhlaskan niat mendidik dan menyampaikan ilmu kerana Allah SWT; menjauhi niat, tujuan dan muslihat yang bersalahan dengan syarak, dan tidak meletakkan gaji, anugerah, pangkat atau pujian sebagai matlamat utama.

Kedua: Mengabadikan diri dengan ilmu, sentiasa meningkatkan kemahiran, pengetahuan, kepakaran dan memperkemaskan kaedah pengajaran berpandukan penggunaan teknologi moden.

Ketiga: Mempamerkan sikap selayaknya seorang guru. Tidak melakukan perbuatan yang mencemari maruah seorang guru daripada segi perkataan dan tingkah laku, atau memuat naik kandungan yang tidak mencerminkan nilai-nilai seorang ilmuwan dalam media sosial.

Keempat: Mengamalkan ilmu yang dimiliki serta memiliki sifat-sifat mulia seperti sabar, tekun, teliti, prihatin, amanah dan berdaya menyelami jiwa dan memahami permasalahan anak didik, seterusnya membimbang anak didik dengan penuh kasih sayang.

Jemaah Rahimakumullah

Ilmu adalah suluhan terang dalam landasan yang kelam. Ilmu mengupayakan insan menakhodai pelayaran kehidupan. Warga pendidik *rabbani* akan gigih berusaha dan tekun berikhtiar untuk melahirkan anak didik yang berilmu, bercirikan kemuliaan insan – berakhhlak mulia, kukuh jati diri, tinggi budi pekerti, beradab sopan dan pandai menghormati, jujur dan bermaruah; serta bijak membezakan antara kaca dengan permata, antara kepalsuan dengan ketulenan, dan antara fitnah dengan kebenaran; di samping menghargai keamanan dan keharmonian – menghargai khazanah alam, juga bersifat patriotik kepada negara bangsa, seterusnya mampu memberi sumbangan bermakna yang dapat meraih kebaikan dunia – kebahagiaan akhirat.



Warga pendidik selayaknya dihormati, dihargai dan dikenang jasa mereka. Mereka telah mendidik kita, dan kini mereka mendidik anak dan cucu kita. Mereka mencurahkan ilmu tanpa jemu, memberi nasihat, menyuntik semangat, mendedikasikan seluruh hidup agar anak-anak didik tahu membaca dan mengira seterusnya melakar kejayaan menjadi insan berilmu, berpengetahuan, berakhhlak mulia dan bermanfaat kepada negara bangsanya.

Sedarilah! Jikalau hari ini, seorang raja menaiki takhta, jikalau hari ini seorang ulama bertaraf mulia, jikalau hari ini seorang menteri memiliki kuasa, jikalau hari ini seorang peguam menang bicara, jikalau hari ini seorang menjadi penulis terkemuka, sejarahnya dimulakan oleh seorang guru biasa, dengan lembut sabarnya mengajar tulis baca, pemberi paling setia, setiap akar ilmu miliknya, bagaikan pelita dan lampu, mewakili seribu buku, membimbing manusia menjadi dewasa. Guru ibarat ibu, bapa dan sahabat dalam hidup insan; semakin terpencil duduknya di ceruk desa, semakin bererti tugasnya kepada negara.

Guru laksana awan indah yang terbang rendah, melimpahkan hujan pada musim gersang, menyegarkan benih ilmu berbuah hikmah; guru laksana kitab sejarah dalam bilik darjah, penelaah yang tekun, mewariskan dunia sebagai kutub khanah, mengemudi biduk; guru adalah batin suci hati nurani, pengunjung budi, manusia yang takwa, obor hemah kehidupan bangsa.

Jemaah yang dilimpahi bimbingan Ilahi

Bersempena sambutan Hari Guru, mimbar memperingatkan dua perkara berikut:

Pertama: Islam mengangkat tinggi martabat guru, meletakkan guru bertaraf murabbi, mualim, mursyid, dan muaddib, yang merujuk kepada peranan guru yang lebih menyeluruh; insan-insan yang kini menjunjung amanah untuk mencerahkan minda, menyampaikan ilmu dan mendidik manusia menemui *Siratulmustaqim*.

Kedua: Hargailah guru-guru yang begitu besar jasa mereka dalam hidup kita. Tunjukkan adab berterima kasih kepada guru dengan menghulurkan apa-apa penghargaan tanda menghargai jasa mereka, serta doakan kesejahteraan mereka.



Khatib mengucapkan "Terima Kasih Guru, yang telah berbakti kepada kami dan anak cucu kami, semoga khidmat bakti mu dikurniakan ganjaran dunia – ganjaran akhirat.

- Penghargaan khusus ditujukan kepada guru-guru yang kita kenali dalam kariah kita, terutama kepada guru yang telah pergi menghadap Ilahi seperti Al-marhum _____, _____. Kita doakan semoga Allah SWT melimpahkan rahmat ihsan Nya ke atas roh mereka dan semoga roh mereka ditempatkan dalam kalangan orang beriman.

[Perenggan ini disebut sekiranya khatib ingin memberi pengiktirafan kepada guru setempat yang telah kembali ke Rahmatullah.]

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتِهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى أَلِهٖ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya daripada kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى الْتَّيِّنِ يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَضْلِعْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ^{وَصَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ}. اللَّهُمَّ أَعِزَّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتَنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فِلَسْطِينِ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Allah Ya Rabbal 'Alamin! berkatih kehidupan guru-guru kami, kurniai mereka ketabahan dan kesabaran menyempurnakan amanah mendidik anak-anak kami; limpahi rahmat Mu kepada guru-guru kami sama ada yang masih hidup atau yang telah kembali di sisi Mu, muliakan mereka dengan redha Mu, limpahi keberkatan hidup kepada mereka dan tempatkan mereka di tempat yang mulia di sisi Mu.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhammin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الْخَيْرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ أُنَارٍ
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَائِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعْمَتِهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

KEPADA KHATIB / IMAM BERTUGAS

PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT 16 MEI 2025

PERKARA: "PROGRAM KARNIVAL PENDIDIKAN MARA NEGERI PERAK 2025"

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Sidang Jemaah yang dimuliakan

Di sini ada satu pengumuman yang akan saya kongsikan, Majlis Amanah Rakyat (MARA) negeri Perak diamanahkan untuk mengendalikan program "**KARNIVAL PENDIDIKAN MARA NEGERI PERAK 2025**" yang akan berlangsung seperti berikut:

Tarikh: 17 hingga 18 Mei 2025 (Sabtu dan Ahad)

Tempat: Mydin Mall Meru Raya Ipoh Perak

Waktu: 10.00 pagi hingga 10.00 malam

Karnival yang diadakan ini bertujuan memberi pendedahan peluang pendidikan kepada pelajar lepasan SPM 2024, antara aktiviti dan pengisian adalah:

- Khidmat nasihat laluan kerjaya dari kaunselor bertauliah
- Pameran pendidikan dari Institutusi Pendidikan MARA (IPMA), IPTA dan IPTS
- Perkongsian bersama *Influencer* Adib dan Amin (Kembar)
- Persembahan *Flasmod* daripada sekolah seni Malaysia
- Cabutan bertuah kepada pengunjung
- Pertandingan E-Sport Game
- Pertandingan mewarna kanak-kanak

Para Jemaah terutama mereka yang mempunyai anak-anak lepasan SPM, atau anak-anak yang sedang belajar di peringkat sekolah menengah dijemput hadir memeriahkan Karnival ini.